

PM akui Sabah masih ketinggalan

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengakui jurang pembangunan di Sabah masih ketinggalan dalam beberapa aspek jika dibandingkan di Semenanjung.

Justeru, kata Perdana Menteri, kerajaan telah menekankan layanan adil dalam pembentukan dan perancangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dengan memperuntukkan sumber kewangan saksama dalam pembangunan negeri ini.

Menurut beliau, selepas setahun kerajaan Perikatan Nasional (PN) mentadbir negara ini, pelbagai perancangan dan pelaksanaan inisiatif dijalankan bagi memenuhi hasrat Wasan Kemakmuran Bersama

(WKB) 2030.

“Selaras dengan salah satu objektif utama WKB 2030 iaitu pembangunan untuk semua, kerajaan komited untuk memastikan pembangunan yang mampan di setiap negeri termasuklah di negeri Sabah.

“Untuk Rolling Plan Pertama (RP1) 2021 RMK-12, sebanyak 1,039 projek pembangunan dengan peruntukan sebanyak RM5.01 bilion telah diluluskan khusus untuk negeri Sabah bagi pelaksanaan projek-projek merentasi pelbagai kementerian dan agensi kerajaan,” katanya ketika berucap dalam Sesi Balai Rakyat Makmur Bersama @Sabah di Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, semalam.

Muhyiddin berkata, antara projek pembangunan utama sedang dilaksanakan ialah projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah, projek pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay, projek menaik taraf 50 sekolah daif secara sistem binaan berindustri (IBS) dan projek Jalan Perhubungan Desa Negeri Sabah.

Katanya, usaha kerajaan turut tertumpu dalam menangani kemiskinan dan memperkukuh pembangunan inklusif di Sabah, contohnya Program Khas Anak Negeri (PKAN) Sabah yang merangkumi tiga kluster, iaitu Native Customary, Mahkamah Adat dan Pembangunan Modal Insan sedang dilaksanakan di bawah RP1 2021.

“Dalam RMK-12, satu bab khusus bagi perancangan pembangunan sosioekonomi negeri Sabah dan Sarawak juga akan diperkenalkan. Antara penekanan yang akan diberi termasuklah usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar bagi ketersambungan digital yang lebih baik,” katanya.

Menurut beliau, dalam menangani jurang bandar dan luar bandar, kerajaan juga mengambil pendekatan menyeluruh bagi memastikan kebajikan rakyat terbelas.

Katanya, usaha juga terus digiatkan membina dan membaik pulih rumah di Sabah melalui Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dengan peruntukan RM369.8 juta.